

11 NOV 1997

Mahkamah-Ramanathan

MAHKAMAH TETAPAN 10 DIS UNTUK PUTUSKAN SAMAN RAMANATHAN

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini menetapkan 10 Dis ini untuk memutuskan saman yang dikemukakan oleh bekas jurulatih kebangsaan C.Ramanathan terhadap presiden Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) Datuk Khalid Yunus.

Pesuruhjaya Kehakiman Datuk R.K.Nathan membuat keputusan itu setelah mendengar hujah peguam Karpal Singh yang mewakili Ramanathan dan peguam Khalid, Mahathir Abdullah.

Ramanathan, 62, menamakan Khalid, 54, sebagai defendan atas sifatnya sebagai presiden KOAM yang bertindak menggantung jawatannya sebagai jurulatih berhubung dakwaan mencabul dua atlit remaja wanita.

Dalam pernyataan tuntutananya, Ramanathan berkata notis penggantungan jawatannya dalam surat bertarikh 18 April 1994 adalah salah di sisi undang-undang, batal dan tidak sah.

Beliau mendakwa bahawa proses membuat keputusan oleh KOAM melanggar perlembagaan kesatuan itu kerana tidak melantik satu jawatankuasa tata tertib bagi membuat cadangan kepada Majlis Sukan Negara untuk menggantung tugasnya.

Ramanathan mendakwa, tindakan KOAM itu mengakibatkaninya mengalami kerugian serta kehilangan mata pencarian.

Beliau menuntut supaya dibayar tunggakan elaun sebanyak RM700 sebulan, faedah, kos serta relif lain yang difikirkan wajar oleh mahkamah.

Hari ini, Karpal Singh berhujah bahawa Ramanathan tidak diberi peluang oleh KOAM untuk menjelaskan kedudukan sebenar serta tidak diberitahu mengenai jangka masa atau alasan penggantungan jawatannya.

Beliau berkata walaupun defendan berjaya membuktikan bahawa Ramanathan bukan pekerja tetap KOAM, namun haknya terhadap "kepentingan yang dijangka" tidak boleh dinafikan.

Sementara itu, Mahathir berhujah bahawa isu itu tidak timbul kerana Ramanathan bukan pekerja tetap KOAM. -- BERNAMA

SBB AKD